

05/10/1998

Tindakan Anwar mirip revolusi

Asmawati Abd Samad

PASIR GUDANG, Ahad - Tindakan Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas dilucutkan jawatannya dalam Kabinet dan dipecat daripada parti sebulan lalu, lebih kepada satu percubaan revolusi, bukannya reformasi.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata tindakannya membakar semangat orang ramai lebih sesuai diistilahkan sebagai `revolusi' kerana Anwar menolak kerajaan, Umno, polis, badan kehakiman dan segala-galanya.

"Teori konspirasi yang ditimbulkan Anwar juga tidak munasabah kerana kepercayaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada beliau sebelum ini begitu kukuh.

"Jika Anwar seorang pemimpin yang cintakan parti, beliau tidak akan melakukan apa yang dibuatnya itu," katanya ketika merasmikan Kursus Kepemimpinan Umno Bahagian Tebrau, dekat sini hari ini.

Najib yang juga Menteri Pendidikan berkata, sebelum Anwar dilucutkan jawatan, beliau diberi pilihan supaya berundur secara terhormat dan kesnya tidak akan diteruskan kerana Perdana Menteri tidak mahu mengaibkan keluarganya.

"Sebaliknya Anwar menolak. Tun Daim (Zainuddin) juga pernah menasihatkannya, tetapi Anwar memilih untuk tidak mahu berhenti walaupun beliau tahu jalan yang dipilihnya itu berat kerana cita-cita peribadinya ingin menjadi Perdana Menteri.

"Apabila kesnya dibincangkan di mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, Anwar sudah diberi peluang mempertahankan diri dan MT terpaksa mengambil keputusan memecatnya kerana tuduhan terhadapnya adalah berat dan perlu diselesaikan melalui mahkamah," katanya.

Beliau percaya setiap tindakan Anwar sekarang adalah untuk mendapatkan simpati daripada penyokongnya di dalam dan luar negara, terutama selepas penahanannya mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Mengenai dakwaan Anwar bahawa beliau dicerderakan ketika dalam tahanan, Najib berkata ia adalah satu tuduhan serius kerana membabitkan soal keadilan pihak berkuasa.

Menurutnya, sudah terbukti tiada seorang pun yang dibebaskan daripada tahanan ISA, termasuk bekas Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, mempunyai kesan lebam atau cedera.

"Malah Anwar ketika ditahan di bawah ISA dulu (ketika menjadi pemimpin pelajar), juga tidak mempunyai kesan luka," katanya.

Beliau juga menasihati ahli parti supaya jangan mengikut emosi dalam hal yang berlaku, sebaliknya melihat perkara itu dengan minda yang terbuka kerana akhirnya kebenaran akan menyerlah.

"Kita tidak mahu kes ini memecah-belahkan Umno dan ada orang yang mengambil kesempatan untuk menjatuhkan pemimpin di peringkat bahagian," katanya yang juga pengerusi bersama Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno.

Sehubungan itu, beliau meminta penyokong Anwar melihat isu itu dengan minda terbuka dan jangan terlalu emosi kerana dakwaan Anwar itu sedang diasas dengan terperinci.

"Kita berharap dengan penjelasannya dan apabila bukti diketengahkan di mahkamah kelak, semua pihak akan menyokong tindakan kerajaan kerana kebenaran akan terserlah," katanya.

(END)